



**TERMA DAN SYARAT
KEMPEN RUMAH IMPIAN ANDA**

ALLIANCE BANK X SOFAX

1 September 2025 hingga 31 Ogos 2026

TERMA & SYARAT BAGI "KEMPEN RUMAH IMPIAN ANDA"

Terma dan Syarat ("**Terma**") ini mentadbir Kempen Rumah Impian Anda ("**Kempen**"), promosi bersama yang dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("**ABMB**" atau "**Bank**"), Alliance Islamic Bank Berhad ("**AIS**" atau "**Bank**") dan SofaX Sdn Bhd (Nombor Pendaftaran Syarikat: 201901002270 (1311596-P)) ("**SofaX**") (dirujuk secara kolektif sebagai "**Pihak-pihak**"). Di bawah Kempen ini, Pelanggan yang Layak (sebagaimana yang ditakrifkan di sini) layak menerima mata ganjaran dengan nilai bersamaan Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM15,000) dalam bentuk **Kredit Kelengkapan Rumah SofaX** ("Ganjaran") tertakluk kepada Terma yang terkandung di sini.

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak diingatkan untuk membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya segala Terma Kempen ini sebelum memberi persetujuan untuk terikat sepenuhnya dengan Terma dan menerima segala Terma tersebut.

1. Tempoh Kempen

Kempen ini akan berlangsung selama dua belas (12) bulan, mulai 1 September 2025 dan berakhir pada 31 Ogos 2026, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**"), kecuali dilanjutkan atau ditamatkan lebih awal menurut budi bicara Pihak-pihak tersebut.

Pihak-pihak tersebut berhak mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula, atau menamatkan Tempoh Kempen pada bila-bila masa, dengan memberikan notis terlebih dahulu dan tanpa menanggung sebarang liabiliti.

2. Kelayakan

Individu berikut TIDAK layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:-

Pelanggan bukan individu

Pelanggan yang mendapat pinjaman/pembiayaan sebelum/selepas Tempoh Kempen.

Individu yang tidak waras, bawah umur, atau bankrap.

Mana-mana individu yang ditetapkan oleh Bank untuk dikecualikan menurut dasar dalaman Bank.

Untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini dan menerima Kredit Kelengkapan Rumah SofaX, setiap Pelanggan yang Layak mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

Mengemukakan permohonan pinjaman gadai janji/pembiayaan kepada Bank dan dapatkan kelulusan dalam Tempoh Kempen.

Pinjaman gadai janji/pembiayaan mestilah sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) dan disertai dengan Insurans Bertempoh Gadai Janji Berkurang ("MRTA"), Insurans Bertempoh Gadai Janji Mendatar ("MLTA"), Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurang ("MRTT"), atau Takaful Bertempoh Gadai Janji Mendatar ("MLTT").

Menerima dan menandatangani Surat Tawaran ("LO") yang dikeluarkan oleh Bank dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh ia dikeluarkan.

Senario	Huraian	Kelayakan
1	Tarikh permohonan Pinjaman/Pembiayaan: 20 September 2025 Tarikh pengeluaran LO: 25 September 2025 Tarikh penerimaan LO: 31 September 2025	Layak
2	Tarikh permohonan Pinjaman/Pembiayaan: 2 Februari 2026 Tarikh pengeluaran LO: 4 Februari 2026 Tarikh penerimaan LO: 22 Februari 2026	Tidak Layak
3	Tarikh permohonan Pinjaman/Pembiayaan: 31 Mac 2026 Tarikh pengeluaran LO: 5 April 2026 Tarikh penerimaan LO: 18 April 2026	Layak

Setiap pinjaman gadai janji/pembiayaan yang diluluskan layak untuk **peruntukan Ganjaran sekali** bagi Kredit Kelengkapan Rumah SofaX, tanpa mengira **bilangan pemohon**.

Kod penebusan Ganjaran akan dihantar melalui SMS kepada nombor telefon bimbit yang didaftarkan dengan Bank bagi pemegang akaun utama pinjaman gadai janji/pembiayaan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pelaksanaan dokumen pinjaman gadai janji/pembiayaan tersebut.

Bagi tujuan Kempen ini:

Rakan Niaga yang Mengambil Bahagian bermaksud saudagar dan/atau penyedia perkhidmatan yang mengambil bahagian dan menerima Mata (sebagaimana yang ditakrifkan di sini). Senarai Rakan Niaga yang Mengambil Bahagian boleh didapati di App SofaX dan akan dikemas kini dari semasa ke semasa;

Transaksi Layak bermaksud sebarang pembelian produk dan/atau perkhidmatan terpilih, termasuk reka bentuk dalaman, daripada mana-mana Rakan Niaga yang Mengambil Bahagian oleh Pelanggan yang Layak menerusi App SofaX;

Amaun Bil bermaksud amaun bil bagi mana-mana Transaksi Layak yang dikeluarkan oleh Rakan Niaga yang Mengambil Bahagian dan perlu dibayar oleh Pelanggan yang Layak;

Mata merujuk kepada mata ganjaran daripada Kredit Kelengkapan Rumah SofaX yang diberikan oleh SofaX kepada Pelanggan yang Layak melalui App SofaX. Mata tersebut boleh ditebus untuk mendapatkan diskaun pada kadar 8% daripada Amaun Bill. SofaX berhak mengubah kadar diskaun menurut budi bicaranya dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak.

Pelanggan yang Layak perlu memuat turun dan membuat pendaftaran di App SofaX untuk menerima Ganjaran. Ganjaran tersebut akan diberikan dalam bentuk mata SofaX dengan kadar penggunaan 8%, yang boleh digunakan oleh pelanggan untuk pembelian mereka menerusi Rakan Niaga yang Mengambil Bahagian seperti dalam Senario berikut: -

Saudagar yang Mengambil Bahagian	Baki Awal Kredit Kelengkapan Rumah SofaX (RM)	Amaun Bil Saudagar yang Mengambil Bahagian (RM)	Kadar Penggunaan/ Diskaun pada 8% (RM)	Baki Pembayaran yang perlu Dibayar oleh Pelanggan yang Layak (RM)	Baki Kredit Kelengkapan Rumah SofaX (RM)
	A	B	$C = (B) \times 8\%$	$(B) - (C)$	$(A) - (C)$
CasaMorris	15,000	100,000	8,000	92,000	7,000
Lorenzo	7,000	30,000	2,400	27,000	4,600
TBM	4,600	20,000	1,600	18,400	3,000
Curtain Brothers	3,000	20,000	1,600	18,400	1,400
Packers Xpress	1,400	12,000	960	11,040	440
Fukuro Kitchenware	440	5,500	440	5,060	-

Tempoh sah bagi Mata tersebut merupakan tempoh yang ditetapkan pada App SofaX. Selepas itu, semua Mata yang tidak digunakan akan dibatalkan secara automatik tanpa sebarang pemberitahuan terlebih dahulu.

SofaX akan mengembalikan Mata yang telah ditolak bagi sebarang Transaksi Layak selepas Pelanggan yang Layak berjaya membuat permintaan untuk pemulangan melalui Rakan Niaga yang Mengambil Bahagian ("**Mata yang Dibalikkan**"). Tempoh sah bagi Mata yang Dibalikkan adalah tempoh yang ditetapkan pada App SofaX.

Mata tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh diserahkan kepada mana-mana pihak atau pihak-pihak lain dan tidak boleh ditukar dengan barangan, ganjaran, tunai atau sebarang kredit lain, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya, dalam apa juga keadaan. Mata yang diberikan kepada Pelanggan yang Layak tidak mempunyai nilai monetari dan tidak menjadi hak milik Pelanggan yang Layak.

Sila rujuk <https://www.sofax.com/cashbackmerchants.html> untuk mendapatkan senarai penuh saudagar kelengkapan rumah dan reka bentuk dalaman SofaX yang mengambil bahagian

3. Terma & Syarat Am

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak telah membaca, memahami, dan menerima Terma tersebut.

Terma ini merupakan tambahan dan tidak menjejaskan mana-mana satu atau lebih Terma dan Syarat sedia ada dan/atau garis panduan yang mentadbir atau mengawal operasi dan/atau penyelenggaraan akaun pinjaman/pembiayaan atau sebaliknya.

Segala keputusan yang dibuat oleh Bank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak. Sebarang surat-menyerut, rayuan atau pertikaian mengenainya tidak akan dilayan.

Bank berhak pada bila-bila masa untuk menambah, memotong, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat, secara sebahagian atau keseluruhannya, dengan memberikan notis di laman web Bank di www.alliancebank.com.my sebelum perubahan dibuat. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang tidak konsisten antara Terma dan Syarat di bawah ini dan versi yang dikemas kini, versi yang dikemas kini akan diguna pakai setakat bahagian yang tidak konsisten tersebut.

Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Kempen ini tidak memberikan hak kepada Pelanggan yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau mendapatkan pampasan daripada Bank atas sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami, dihadapi atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan tersebut yang disebabkan oleh tindakan Pelanggan yang Layak itu sendiri.

Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, kerosakan langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas atau tindakan undang-undang yang diambil oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul daripada atau dialami oleh Pelanggan yang Layak atau pihak lain, yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kempen ini.

Segala Terma dan Syarat termasuk penambahan, pemotongan, variasi dan/atau pindaan, yang dibuat berhubung dengannya dari semasa ke semasa adalah ditadbir oleh dan diertikan menurut undang-undang Malaysia.

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Pernyataan Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank, <https://www.alliancebank.com.my/Notice-and-Choice-Principle-Statement-Personal-Data-Protection-Act-2010> dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan maklumat mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank bagi tujuan Kempen ini.

Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpulan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

Bank tidak memberikan sebarang pernyataan atau waranti berkenaan mana-mana barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh SofaX. Secara khususnya, Bank tidak memberikan sebarang waranti berkenaan kualiti barangan atau perkhidmatan yang ditebus atau kebolehtebusan dan kesesuaiannya bagi sebarang tujuan. Bagi sebarang pertikaian berhubung dengan kualiti barangan atau perkhidmatan yang diterima daripada SofaX, pelanggan disarankan menghubungi SofaX di 017-3941763 atau menghantar e-mel kepada SofaX di marketing@sofax.com atau menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan Bank di 03-5516 9988.

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat yang ditetapkan oleh SofaX di <http://cashback.sofax.com.my>.

Pencegahan dan Pengurangan Penipuan dan Scam Perbankan

Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk pengetahuan dan kesedaran Pelanggan yang Layak bagi membantu mencegah dan mengurangkan risiko penipuan dan scam. Ini termasuklah tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, pengemaskinian perisian/sistem pengendalian/aplikasi/versi, dan ketetapan peraturan oleh badan pentadbiran yang berkenaan.

Pelanggan yang Layak mesti memastikan bahawa segala instrumen perbankan disimpan dengan baik, contohnya buku cek/kepingan cek, token keselamatan, kad debit, PIN bagi perbankan menerusi telefon, butiran keselamatan log masuk bagi perbankan internet dan mudah alih, dan kod pengesahan transaksi (TAC). Pelanggan yang Layak perlu memaklumkan kepada Bank dengan segera sebaik sahaja menyedari kehilangan mana-mana yang tersebut di atas atau berlakunya penggunaan tanpa kebenaran atau pengesahan yang sewajarnya Pelanggan yang Layak tidak akan dipertanggungjawabkan atas kerugian yang disebabkan oleh transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas Pelanggan yang Layak memaklumkan kepada Bank menurut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pelanggan yang Layak yang dinyatakan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau diceroboh.

Sekiranya sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan yang Layak dikaitkan dengan kecuaiannya nyata oleh Bank semata-mata, satu-satunya dan keseluruhan liabiliti yang ditanggung oleh Bank (sama ada berkenaan satu atau lebih tuntutan) terhadap Pelanggan yang Layak dari segi kontrak atau tort adalah tidak melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung yang dialami, mana-mana yang lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, ganti rugi tidak langsung, turutan, khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pelepasan pembayaran, award, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira kemungkinan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah diberitahu kepada, atau secara munasabah telah boleh dijangka oleh Bank.

Setelah dimaklumkan oleh Pelanggan yang Layak mengenai kejadian tersebut, Bank akan menjalankan siasatan dan Pelanggan yang Layak dikehendaki menyediakan maklumat dan kerjasama secukupnya untuk membantu siasatan. Bank dengan ini diberi kuasa untuk mengambil langkah berikut sebaik sahaja kejadian tersebut dikesan (dengan/tanpa persetujuan pelanggan terlebih dahulu) untuk mengelakkan atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya semasa Bank membuat siasatan:

- i. Menggantung atau membekukan akaun yang berkenaan;
Membatalkan atau mengeset semula akses perbankan internet atau mudah alih Pelanggan yang Layak; dan/atau;
- ii. Membatalkan kesahan instrumen perbankan;

dan Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan setelah tindakan di atas telah dilaksanakan.